

Perkembangan dan Evolusi Pakaian Alam Melayu

Aszulhida Aman¹, Ros Mahwati Ahmad Zakaria², Zuliskandar Ramli³ dan Nurfarahhana Ismail³

¹*Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.*

²*Kolej Kemahiran Tinggi MARA Rembau, Pedas, Negeri Sembilan.*

³*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.*

ABSTRAK

Pakaian lazimnya menggambarkan budaya bangsa seseorang yang hidup di dalam sesebuah kelompok masyarakat. Setiap bangsa yang wujud di bumi ini mendapat kesan dan pengaruh dari alam sekitar dan pengaruh kuasa luar yang dapat membentuk identiti sesebuah masyarakat yang melambangkan bangsa, abad kewujudan mereka dan kepercayaan yang diamalkan pada ketika itu. Salah satu identiti sesebuah masyarakat yang dapat dikenalpasti melalui cara pemakaian mereka pada ketika itu. Bangsa Melayu di Nusantara juga tidak terlepas dari konsep yang dinyatakan. Setiap pakaian yang dikenakan oleh masyarakat Melayu mempunyai makna dan fungsi yang tertentu. Selain itu, di dalam rupa bentuk pakaian mahupun tekstil yang dihasilkan terbentuk nilai keindahan dan etika masyarakat yang mendukungnya. Walaupun telah banyak kajian dilakukan terhadap asal usul kewujudan rupa bentuk pakaian masyarakat Melayu terutamanya Baju Kurung dan Baju Melayu tetapi ia masih sukar untuk menentukan siapa yang mula menghasilkan busana ini dan kelompok masyarakat yang memperkenalkannya. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti perkembangan reka bentuk penghasilan pakaian dan busana masyarakat Melayu sejak abad ke-9 Masihi sehingga kedatangan Islam di alam Melayu seterusnya busana yang dikenakan sehingga kini. Pada masa ini, pakaian asal orang Melayu ini masih popular dipakai dan mendapat pelbagai suntikan baru serta dievolusi menjadi sesuatu yang moden seperti Baju Kurung Moden.

Kata Kunci: Rupa Bentuk, Identiti, Kepercayaan, Evolusi, Pakaian.

PENGENALAN

Pada dasarnya kain adalah sesuatu elemen yang amat penting bagi masyarakat Melayu. Kain digunakan pada setiap hari dan pada setiap aktiviti yang dijalankan sehingga kain yang digelar sarung menjadi fungsi utama di dalam pemakaian masyarakat di Alam Melayu. Kain dianggap sesuatu yang indah sehingga berbagai ungkapan yang halus diungkap melambangkan jenis-jenis kain di Alam Melayu seperti: -

"kalau sehari selebar benang, lama-lama menjadi kain;

"dikembang selebar alam, dilipat selebar kuku"

Manakala pakaian direka selepas kain disulam indah. Pakaian yang dipakai oleh masyarakat Melayu sebagai fungsi untuk menutup sebahagian anggota badan seseorang. Selain dari fungsi sebagai menutup bahagian tertentu mereka, ia juga bertindak untuk melindungi seseorang dari keadaan sekeliling mengikut muka bumi sesebuah masyarakat seperti cuaca yang panas atau sejuk. Rupa bentuk pakaian atau busana banyak dipengaruhi oleh latar belakang etnik dan kepercayaan anutan sesebuah masyarakat. Kita secara amnya dapat mengenalpasti kepercayaan dan kaum sesebuah masyarakat melalui cara mereka berpakaian serta hiasan yang dikenakan pada anggota badan mereka. Pakaian dan perhiasan ini juga menggambarkan kedudukan atau status sosial seseorang individu di dalam sesebuah masyarakat melalui reka bentuk pakaian itu sendiri dan juga jenis fabrik yang digunakan. Jika dilihat, setelah pakaian asas direka, evolusi rekaan pakaian berkembang mengikut kehendak sipemakai dan masyarakat sekeliling

¹Koresponden: aszulhida@yahoo.com

mengikut tatacara majlis dan tempat yang dikunjungi berbanding dengan masyarakat kuno yang hanya mempunyai satu atau dua helai baju sahaja untuk kegunaan harian. Masyarakat di Alam Melayu juga menerima pemikiran yang sedemikian di mana pakaian yang dipakai akan berbeza mengikut status sosial di dalam komuniti mereka sendiri dan ada kalanya orang Melayu mengenakan sesebuah persalinan mengikut upacara tertentu seperti yang tertulis di dalam Hikayat Aceh dan Sejarah Melayu, dimana seperti digambarkan di dalam watak Puteri Indera Bangsa Syah Alam dalam Hikayat Aceh itu ialah Puteri Safiah (Safiahtuddin) Teks yang dipetik menggambarkan dekoratif memerikan busana dan perhiasan pengantin:

... berkain dewangga berpakaian emas bertemu emas...berbaju kesumba murup.... berkancing nilam bersubang jentera paksi bergelang bermuka pudi manikam biram,... gelang bulat permata...cincin pudi...cucuk sanggul

(Teuku Iskandar: 13)

Bagi mempelajari busana Melayu, beberapa rujukan penting harus dilakukan untuk mendapatkan hasil dapatan data yang baik seperti rujukan kepada sastera klasik Melayu, istimewanya hikayat, syair, gurindam, pantun, ungkapan dan sebagainya. Sebelum kedatangan Islam pada abad ke-7 di Tanah Melayu, kebanyakan penulisan yang ditemui dari pandangan penjajah luar berpendapat bahawa orang Melayu tidak mempunyai pakaian yang specific dan mereka menggambarkan masyarakat di Alam Melayu ini hanyalah berkembang dengan melilit badan mereka menggunakan beberapa helaian kain yang ditenun daripada serat nenas dan beberapa sumber asli yang lain. Setelah agama Islam menapak di Tanah Melayu mengikut batu bersurat yang dijumpai di beberapa lokasi dan juga kesan dari raja-raja Melayu yang memeluk Islam pada ketika itu, undang-undang Islam mula diperkenalkan di dalam pemerintahan di Tanah Melayu (Liaw Yock Fang, 2003). Antara hukum atau undang-undang yang diperkenalkan pada ketika itu adalah menutup aurat bagi kaum wanita yang telah mencapai umur baligh atau dewasa, ini juga kemungkinan datangnya fungsi kain kelubung yang dikenakan pada bahagian kepala wanita yang mempunyai fungsi sebagai menutup aurat mereka dari pandangan kaum lelaki yang bukan dari ahli keluarga terdekat. Beberapa contoh daripada kesusasteraan Melayu yang boleh kita amati mengenai cara pemakaian masyarakat ini daripada gambaran pakaian Hang Tuah.

... Maka Laksamana pun memakai berserual kuning kesumba murup diantelas, bertepi bersirat, berikat pinggang cindai natar kuning, berbaju hijau digangsa, berdestar warna pelangi....(Kassim Ahmad 1975).

Setelah kedatangan Islam, masyarakat di Tanah Melayu mula mendapat pelbagai pengaruh luar kesan daripada perdagangan dari tanah Arab yang membawa masuk agama Islam ke Tanah Melayu dan sekaligus mengubah dan mempengaruhi cara hidup masyarakat di Alam Melayu. Pada ketika ini, orang di Tanah Melayu telah mula mengenakan pakaian yang mirip kepada rupa bentuk pakaian orang Arab iaitu *abaya* dan kemudiannya dipanggil kebaya oleh orang Melayu. Kebaya ini dipadankan bersama kain sarung dari oelh masyarakat tempatan. Sehingga kini, rupa bentuk dan gaya potongan Baju Melayu yang mirip kepada potongan tunic dari zaman pemerintahan Arab juga menjadi identiti masyarakat Melayu. Bagi masyarakat Melayu, ada berpendapat bahawa pada abad ke-13, busana mereka pada masa itu dipanggil sebagai baju kurung yang merujuk kepada persalinan lelaki dan juga perempuan Melayu kemudian setelah itu orang Melayu mula membahagikan penggunaan Baju Kurung untuk kaum wanita dan Baju Melayu kekal untuk kaum lelaki. Perbezaannya dapat dilihat pada padanan Baju Melayu yang dipadankan dengan pemakaian seluar Gunting Aceh manakala kaum perempuan masih mengenakan Baju Kurung yang disesuaikan dengan kain sarung dengan ikatan ombak mengalun (Zubaidah Shawal, 1994).

Pemakaian Baju Melayu itu sendiri telah berkuat kuasa ketika pemerintahan Sultan Muhammad Shah, Melaka (1424-1444), beliau juga telah mengeluarkan satu bentuk titah yang melarang orang Melayu memakai cara atas angin (Arab, India & Eropah) serta cara bawah angin (China &

Khmer). Kemudian aturan “Susunan Tertib Adat Istiadat Diraja” di Melaka kemudian telah ditetapkan pemakaian ini kepada yang lebih tersusun untuk dipatuhi oleh pembesar dan rakyat jelata (A. Samad Ahmad 1996: 74-80). Banyak ahli akademik berpendapat bahawa Tun Hassan merupakan individu yang mengubah potongan baju kurung menjadi lebih longgar dan panjang. Di dalam buku terbitan Dato’ Haji Muhammad Said Haji Sulaiman “Pakaian patut Melayu”, baju kurung yang dikenali sehingga kini berasal ketika zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar pada tahun 1800 yang bertempat di Teluk Belanga, Singapura.

Bagi kaum wanita di Tanah Melayu, banyak sumber yang berpendapat atur cara pemakaian mereka dipengaruhi oleh potongan pakaian Arab, Parsi dan India dari segi rupa bentuk pakaian dan jenis-jenis tekstil yang digunakan dan ia menjadikan busana ini kepada sesuatu yang lebih lengkap dan sopan. Pada ketika itu juga dikatakan orang Melayu mula mencari identity mereka di dalam berpakaian mengikut negeri dan pengaruh yang diterima (Abbas Alias, Norwani Md. Nawawi: 200). Setelah baju kurung menjadi pakaian utama masyarakat Melayu dan seterusnya ia mengalami evolusi di dalam rupa bentuk dan potongan, Orang Melayu mula memakai pelbagai jenis potongan baju dari rupa bentuk yang hampir sama tetapi mendapat rekaan yang berlainan seperti Baju Kedah, Baju Kebaya dan sebagainya tetapi divariasikan mengikut peredaran masa dan kesesuaian pakaian tersebut mengikut tempat. Menurut Azah aziz (2006:229) untuk mengetahui tentang keindahan dalam menghuraikan pakaian Alam Melayu ini, banyak diceritakan di dalam gurindam, pantu dan syair masyarakat Melayu termasuklah kehebatan tekstilnya yang sangat unik dan corak yang berunsurkan motif alam.

Dalam buku *The Malay People of Malaysia and Their Languages* oleh Asmah Haji Omar telah didapati beberapa catatan China mengenai negeri Kelantan pada abad ke 10 mengisahkan rajanya yang memakai mahkota serta kainnya berikat dengan tali, selepas itu pada abad ke-13 dijumpai sekali lagi mengisahkan bagaimana masyarakat di Kelantan yang suka berpesta. Orang lelaki dan perempuan mengikat sanggul di kepala dan memakai baju berbentuk tunik pendek disertakan sarung kapas berwarna hitam. Ada juga catatan China pada abad ke 13 yang menyatakan bahawa orang Terengganu sama ada wanita atau lelaknya mengikat sanggul dan memakai pakaian berbentuk tunik pendek dipadankan bersama kain kapas hijau dengan bahagian bawah dililitkan dengan kain sari sutera.

Berlainan dengan Negeri Pahang di mana orang Pahang bersanggul dan memakai pakaian jubah yang berikat dipinggang dengan tali kain kapas. Wanita bangsawan menghiasi rambut mereka dengan emas yang berbentuk cincin sementara yang kurang berada menghiasinya dengan manik lima warna.

KERAJAAN MELAYU MELAKA

Terdapat berbagai-bagai kajian dan penulisan tentang zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka telah diterjemahkan pada masa kini termasuklah cara pemakaian masyarakat Melayu pada ketika zaman kegemilangan Melayu Melaka yang terjadi sekitar 1400 sehingga 1511 Masihi. Ada beberapa sumber menyatakan bahawa pada zaman kegemilangan Melaka inilah evolusi pemakaian traditional orang Melayu mencapai tahap tertinggi. Kerajaan yang diasaskan oleh Parameswara pada awal kurun ke-15 yang telah berkahwin dengan Puteri Pasai dan memeluk agama Islam dengan mengambil gelaran Megat Iskandar Shah dan pada ketika itu agama Islam diangkat menjadi agama rasmi kerajaan. Melaka yang dibina dari desa kecil menjadi pelabuhan yang utama. Pada 1413, Ma-Huan telah melawat Melaka dan di dalam catatan beliau ada menyatakan bahawa Parameswara memakai jubah yang diperbuat dari kain halus berbunga hijau serta berserban putih. Banyak catatan selepas itu dari China yang memberi gambaran tentang pemakaian masyarakat Melayu pada zaman silam. Tetapi ia terhenti apabila Kesultanan Melayu Melaka kalah di tangan Portugis dan bermulalah penulisan tentang orang Melayu dari perspektif

Portugis namun kegemilangan Kerajaan Melaka ini tetap menjadi ingatan yang diceritakan di dalam kesusasteraan rakyat seperti hikayat, syair dan sejarah Melayu.

Dalam buku Sejarah Melayu, ada pendapat menyatakan tentang orang pertama yang mengubah bentuk baju Melayu yang asal kepada bentuk Baju Melayu yang dipakai sehingga kini. Sedutan al-kisah cetera yang ke-27 dirakam seperti berikut :

“Tun Hassan Temenggong (anak Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir) yang pertama melabuhkan baju Melayu, dan membesarkan pangkal tangan dan memanjangkan tangan baju. Akan dahulu baju Melayu kecil juga. Maka dipantun orang:

*Murah kata derji
Empat hasta sehelai baju
Muda berusul Lela Manja
Bagai mutiara dalam teraju”.*

KAJIAN LEPAS

Dalam kajian ini, rujukan sejarah dan klasik menjadi bahan utama untuk memahami konsep budaya dan masyarakat Melayu. Bahan ini juga merupakan penyumbang utama kepada potongan, rekaan dan material yang digunakan di dalam pemakaian masyarakat di Alam Melayu. Rahmat (2004) menyatakan bahawa kajian melalui antropologi, kajian budaya, semiotika dan sejarah ada membincangkan budaya melalui material makna simbolik sedia ada di dalam budaya. Effendy (2005) dan Siti Zainon Ismail (2006) menulis tentang etika dan prinsip umum baju tradisional Melayu. Antara seminar dan pameran yang diadakan berhubung penggunaan tradisional pakaian dan kain adalah Warisan Tekstil Malaysia (15 Disember 2003 - 31 Januari 2004) oleh Galeri Seni Kebangsaan, Kuala Lumpur, Batik Malaysia: Warisan Hidup 10 November - 2 Disember 2007) oleh Galeri Petronas dan Galeri Seni Negara, Kuala Lumpur.

Kajian awal pemakaian orang Melayu mencatatkan pakaian yang ringkas dan mudah (A. Graham, 1908). Hanya sehelai kain lepas diikat dari paras pinggang berjurai di hadapan hingga ke paras buku lali, sehelai kain belacu disangkut pada bahu dan sehelai lagi diikat sebagai bengkung di pinggang bagi menyangkut senjata, celepa, bekas sireh dan duit. Ini adalah pemakaian harian mereka tanpa menggunakan sepatu. Namun bagi majlis keramaian seperti upacara perkahwinan, kematian dan lain-lain upacara khas, masyarakat Melayu ini akan mengenakan pakaian yang sempurna. Berkemban pula boleh dianggap sebagai pakaian tertua dan terawal wanita Melayu. Cara pemakaian ini telah diamalkan sejak berabad lama dan lebih awal dari kurun ke-15. Selepas kedatangan Islam, ia bukan sahaja telah menukar keagamaan dan cara hidup mereka malah telah menukar cara pemakaian orang Melayu ini mengikut undang-undang Islam daripada berkemban kepada pakaian yang lebih sempurna.

Pada permulaan kedatangan Islam, Baju Kurung telah dicipta oleh masyarakat Melayu dan ia dipakai oleh kaum lelaki dan wanita (Maruwiah, 2012). Perbezaannya terletak pada bahagian kocek di mana kaum lelaki mempunyai tiga kocek dan wanita hanya satu kocek pada bahagian atas baju. Cara pemakaian ini menepati cara pemakaian konsep Islam dan ia diberi nama ‘kurung’.

Sebagai sebuah pelabuhan yang terpenting ketika abad ke-15, Tanah Melayu telah mendapat beberapa pengaruh hasil daripada perdagangan dari dunia luar seperti Arab, China, India dan juga kepulauan Indonesia. Selain dari aktiviti perdagangan, mereka juga telah memperkenalkan budaya dan agama mereka kepada penduduk di Tanah Melayu. Antara elemen terpenting yang dibawa adalah pengaruh pemakaian kepada penduduk setempat. Ini dapat dilihat pada beberapa potongan baju orang Melayu pada ketika itu. Antara potongan baju yang mendapat sambutan di Tanah Melayu adalah Baju Teluk Belanga mula diperkenalkan di Teluk Belanga, Sinapura dan tersebar luas sehingga kini dan disebut Baju Melayu Teluk Belanga (Maruwiah, 2012). Antara beberapa gambaran yang boleh mengukuhkan pakaian tradisional masyarakat Melayu ialah

fotografi yang diambil oleh Gustav Richard Lamber menggambarkan seorang lelaki memakai baju kurung cekak musang (Azah Aziz 2016) manakala anaknya seorang perempuan yang bersanggul memakai baju kebaya labuh berkerongsang (Azah Aziz, 2016)

Potongan Baju Kurung Telok Belanga ini juga mempengaruhi pakaian Baju Kurung wanita di mana ia juga dipercayai berasal dari Johor. Pakaian Baju Kurung wanita ini akan dipadankan dengan ikatan *Ombak Mengalun* bagi kain sarungnya. Ada juga yang memadankan baju ini bersama dengan Kain Berdagang Luar yang dipegang diparas pinggang dan apabila seseorang wanita itu muncul dikhalayak ramai Kain Berdagang Luar dijadikan kain kelubung yang melindungi wajah. Baju Kedah juga merupakan identiti yang melambangkan masyarakat Melayu. Baju Kedah ini ialah antara baju tradisional Melayu yang paling lama sampai di Tanah Melayu. Dari penceritaan orang lama, Baju Kedah ini telah lama dipakai oleh orang Kedah dan negeri-negeri di bahagian utara Tanah Melayu. Dapatlah dilihat jika dari segi namanya baju ini berpusat di Negeri Kedah tetapi asal usul bermula baju ini masih samar-samar sehingga kini. Baju ini dikaitkan mempunyai banyak persamaan dengan baju yang lebih awal yang dipakai oleh orang Melayu di Pattani, Kelantan dan Terengganu pada masa silam. Kemudian baju ini dibawa ke Melaka oleh Tun Hassan Temenggung (Pakaian Melayu Sepanjang Zaman – 2006) dan diubah gaya sehingga menjadi Baju Kedah sekarang.

Budaya dan cara hidup masyarakat Melayu sehingga pelbagai jenis pakaian dan tekstil terjadi kerana penghijrahan komuniti dari Bugis, Aceh, Banjar, Jawa dan Minangkabau ke Tanah Melayu (Prof. Dato' Dr Hood Salleh: 2011). Kesan peradaban juga merupakan terbentuknya identiti masyarakat orang Melayu sehingga kini (Haziyah Hussin – Evolusi dan Tipologi Pakaian Wanita Melayu di Semenanjung Malaysia). Resam, budaya, warisan, seni dan adat merupakan faktor yang sentiasa mengalami perubahan mengikut peredaran zaman yang tanpa kita sedari dari pelbagai pengaruh luar (Abdul Samad – 1990).

METODOLOGI KAJIAN

Menurut 'Hornby' (1985), metodologi merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas subjek kajian yang tertentu. Oleh yang demikian, bahagian ini akan membincangkan tentang kaedah kajian yang telah dijalankan bagi mencapai objektif penyelidikan ini. Kaedah yang dijalankan secara tersusun dan sistematik mengikut sumber dapatan yang diperolehi supaya data yang terkumpul boleh digunapakai dengan tepat. Beberapa temubual dijalankan bagi mendapatkan kesahihan potongan dan reka bentuk pakaian orang Melayu selain material yang digunakan masyarakat Melayu pada peradaban yang lalu selari dengan teknologi di Alam Melayu. Ini berkait rapat kerana ukuran yang diperlukan hanyalah mengikut akal masyarakat lama yang belum terdedah dengan sebarang jenis alatan ukuran. Dalam kajian kualitatif ini, penyelidikan terhadap busana lama di Alam Melayu juga diberi perhatian, ini bagi mendapatkan rupa bentuk dan potongan asal pakaian dan material yang digunakan mengikut negeri dan kedudukan mereka di dalam masyarakat.

Kajian ini juga akan mengenal pasti beberapa jenis fabrik dan material yang digunakan oleh masyarakat Melayu pada abad ke-9 dan keatas. Ini bagi memastikan kaedah pembuatan fabrik yang pada ketika itu kebanyakannya masyarakat di Alam Melayu membuat kain hanya sebesar sebidang mesin tetuan mereka yang jika dikira pada masa kini hanyalah dalam kiraan bidang kain 18 inci. Ini juga antara faktor mengapa baju masyarakat Melayu mempunyai bahagian potongan yang pelbagai.

Selain itu, bagi mendapatkan fakta yang lebih kukuh, kajian ini akan menemubual beberapa individu pakar rujuk di dalam bidang tekstil dan pakaian busana Melayu dan tidak ketinggalan beberapa pengumpul barang-barang lama juga akan ditemubual untuk meneliti sendiri pakaian ini dari jarak dekat selain mengenalpasti jenis-jenis material yang digunakan dan amat jarang dapat ditemui ketika ini. Lawatan ke muzium-muzium akan dilakukan bagi mendapatkan fakta

yang lebih tepat juga tidak ketinggalan lawatan ke Arkib Negara dan Jabatan Warisan Negara bagi membuat penelitian terhadap jurnal keluaran organisasi ini yang dapat dijadikan sebagai bahan rujukan. Selain daripada itu, pemerhatian juga dibuat dengan melibatkan diri secara langsung dalam semnar-seminar, bengkel-bengkel serta pameran yang berkaitan.

TEKNOLOGI REKA BENTUK DAN POTONGAN PAKAIAN MELAYU

Dari pemerhatian fotografi yang dilakukan, kebanyakan dapatan yang terdapat pada gambar-gambar lama yang diambil, kebanyakannya menggambarkan kepada pakaian wanita pada zaman dahulu di Alam Melayu adalah berkemban. Hanya sedikit pakaian yang dipakai oleh kaum wanita pada ketika itu menutup kesemua anggota badan mereka menggunakan kain yang dipanggil kelubung seolah-olah menutup aurat pada keseluruhannya. Tetapi jika diperhatikan, masyarakat Melayu tak kira wanita atau lelaki akan melilit badan mereka dengan menggunakan beberapa helai kain yang dianggap berkemban. Ini memungkinkan masyarakat pada masa itu belum memikirkan tentang penggunaan pakaian dengan lengkap tetapi sebaliknya mereka telah pun mempunyai teknologi pembuatan kain yang bagus dan pelbagai. Setelah mendapat beberapa pengaruh dari luar, masyarakat Melayu mula meniru pemakaian mereka. Ini dikuatkan lagi dengan kenyataan (Frank Swettenham, 1921) yang menyatakan bahawa kain sarung adalah penggunaan harian bagi orang Melayu.

Mengikut pandangan mata dan pembuatan pola pada masa kini, masyarakat Melayu telah menggunakan teknologi yang maju di mana dari selebar kain mereka memotongnya pada segitepat bagi ukuran bahagian bahu kepada badan dan menebuk lubang pada bahagian tengah kain untuk disarung ke kepala. Cara potongan ini dapat menjimatkan penggunaan kain yang amat terhad kepada lerangnya yang hanya kira-kira 18 inci lebar. Selepas itu potongan untuk bahagian tangan pula dipotong mengikut ukuran panjang tangan. Ada mengatakan orang Melayu membuat ukuran pada badan kepada kain hanya menggunakan kiraan jari dan jengkal sahaja. Bagi mendapatkan menutup keseluruhan badan dan kelihatan longgar pada mengikut hukum syarak pada ketika itu, masyarakat Melayu memotong lebih kain yang ditenun kepada pesak bagi menutupi bahagian tepi pakaian sekaligus potongan pakaian mereka kelihatan longgar dan menutup aurat si pemakai. Selepas mencantumkan, mereka memotong pula kekek pada bahagian bawah ketiak bagi mendapatkan keselesaan si pemakai, ini bagi mendapatkan keselesaan si pemakai yang menunjukkan banyak fakta masyarakat Melayu dahulu bekerja sendiri seperti menanam padi dan berladang. Begitulah kronologi pemotongan asas baju kurung orang Melayu di mana fabrik yang dihasilkan terdahulu sebelum terciptanya pakaian adalah terhad dengan hanya lerang yang selebar 18 inci dan kain yang tidak berapa panjang. Ini kerana selebar kain sahaja memakan masa berbulan-bulan untuk dihasilkan menggunakan mesin tenunan secara manual di mana benangnya harus ditenun satu persatu.

Kebanyakan pakaian di Alam Melayu akan dipadankan dengan seluar Aceh atau potongan China bagi lelaki dan kain ombak beralun bagi wanita. Untuk bahagian ini pula, mereka menggunakan material atau fabrik yang berlainan daripada material baju yang dipakai. Ini dapat kita lihat pada fotografi busana Melayu lama di mana setiap baju, seluar mahupun samping yang dikenakan oleh si pemakai adalah dari corak dan fabrik yang berlainan berbanding masyarakat sekarang yang memakai sepasang baju dari kain dan warna yang sama. Ini adalah kerana teknologi pembuatan kain yang lebih maju.

Dalam sejarah peradaban kerajaan Melayu, ia dapat dibahagi kepada tiga bahagian penting, iaitu:

- i. Kerajaan Melayu Awal (abad pertama hingga 13)
- ii. Kerajaan Melayu Melaka (abad ke 14 hingga 16)
- iii. Kerajaan Melayu Johor – Riau (dan kesinambungan di wilayah budaya Melayu (abad ke 17 hingga 19)

Pada awal kerajann Melayu itu sendiri, ada berpendapat masyarakatnya mendapat pengaruh Hindu dan cara pemakaian mereka mengikut anutan agama tersebut sehingga Islam datang ke Tanah Melayu yang membawa kepada perubahan besar pada masyarakat Melayu itu sendiri.




Gambar 1. Cara pemakaian kaum wanita masyarakat Melayu yang digambarkan oleh jurugambar dari Barat.

Sumber: fotografi dari laman web Pinterest.



Gambar 2. Ada beberapa sumber menunjukkan bahawa wanita di dalam masyarakat Melayu telah sekian lama menutup aurat.

Sumber: fotografi daripada laman web Pinterest.



Gambar 3. Menunjukkan teknologi pembuatan fabrik oleh masyarakat Melayu yang menjadi warisan turun temurun sehingga kini.

Sumber: fotografi dari laman web.



Gambar 4. Lagi gambar pembuatan teknologi fabrik masyarakat Melayu yang menunjukkan lerang kainnya yang kecil.

Sumber: fotografi dari laman web.

TEKSTIL MELAYU

Teknologi pembuatan tekstil di Alam Melayu telah lama diketahui keunikannya dengan kepelbagaian teknik tenunan dan bahan asas yang digunakan, tidak ketinggalan juga bahan warna yang digunakan dari alam semulajadi hingga menjadikan tekstil tersebut amat indah dan unik. Contoh yang dapat dipetik daripada kesusasteraan Melayu klasik seperti merah daripada kesumba dan mengkudu melambangkan warna jatidiri orang Melayu. Masyarakat Melayu dahulu terkenal dengan pembuatan tenun kain seperti Kain Limar yang dicelup benangnya dengan tiga atau empat warna alam yang berbeza sebelum ditenun. Kain ini banyak digunakan oleh golongan atasan sebagai kain kembangan, ada juga mitos yang menyatakan kain ini mempunyai kaitan rapat dengan alam bunian.

Kain Cindai juga adalah jenis material daripada masyarakat orang Melayu dan ia seperti kain Limar yang menggunakan teknik ikat celup. Cuma perbedaannya pada reka corak yang diambil daripada kain patola dan teknik ikat ganda. Kain Patola adalah sejenis kain dari India yang ditenun dijadikan kain sari, walau bagaimanapun orang Melayu mengubah cara penataan coraknya mengikut citarasa orang Melayu seperti menggunakan motif pucuk rebung.

Antara lain, tekstil yang popular di Alam Melayu adalah kain songket yang banyak digunakan oleh golongan istana atau bangsawan. Kain ini amat terhad pemakaiannya dan rakyat biasa tidak dibenarkan memakai kain jenis songket ini. Selain itu kain tenun yang popular di negeri Pahang juga digunakan oleh golongan atasan. Kain tenun ini dikatakan dibawa dari Riau atau Sulawesi pada abad ke-16 dan ia sebagai lambang darjat, identiti kaum, kepercayaan, ritual keagamaan dan sebagainya. Tidak ketinggalan juga kain Telepuk yang biasa dipakai oleh orang Melayu bagi menutup bahagian kepala mereka dan ia adalah sejenis kain yang dihias dengan kertas emas dan diterapkan pada kain tersebut dengan pelek yang dipanggil gam Arab. Antara lain, kain Kelintan yang mula mendapat tempat kembali di hati orang Melayu. Kain ini mula dimertabatkan kembali dengan pelbagai pameran dan bengkel yang telah diusahakan oleh pelbagai pihak seperti muzium dan badan NGO. Kain ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri dari segi bahan sulaman benang dan jarum daripada sumber perak amatlah jarang dijumpai masa kini. Pembuatan kain ini juga mengambil masa yang panjang untuk disiapkan walaupun ianya hanyalah sebesar selendang.

Antara istilah-istilah yang diungkap oleh orang Melayu di dalam memperincikan keindahan pembuatan tekstilnya adalah seperti: -

"Dikembang selebar alam, dilipat selebar kuku"

"Sebagai air mengalir, apabila direndam di dalam sungai, kelihatanlah seperti riak-riak di dalam air"

"Kalau diampai bertambah basah, kalau direndam bertambah kering".

Simbol identiti kepada seseorang juga dapat digambarkan melalui penggunaan tekstil oleh sipemakai. Kewibawaan dan kebesaran raja boleh dilihat melalui cara pakai bahan untuk kain seperti penggunaan songket berbenang emas ataupun hiasan motif yang terdapat pada tekstil tersebut. Ini dapat dilihat pada teks Melayu lama yang menunjukkan kosa kata yang digambarkan seorang puteri bangsawan iaitu Puteri Cahaya Keinderaan dipakaikan oleh nenek Dang Seri dengan kain yang diperbuat daripada songket bunga jalawadi dan dipadankan pula dengan baju kesumba berkancing baiduri.

*.... lalu dekat nenek Dang Seri
mematut pakaian tuan puteri
berkain songket bunga jalawadi
berbaju kesumba kancing baiduri....
(naskah Melayu Syair Agung, 1991:42)*

ANTARA FABRIK / MATERIAL DI ALAM MELAYU




Gambar 5. Kain limar yang banyak dikaitkan dengan alam bunian oleh masyarakat Melayu.

Sumber: fotografi daripada laman web.



Gambar 6. Kain songket yang menjadi identiti masyarakat Melayu sehingga kini, yang dahulunya hanya dipakai oleh golongan bangsawan.

Sumber: Fotografi daripada laman web



Baju Kurung: Perempuan


- 1- Kain sarung
- 2- Baju
- 3- Selendang panjang
- 4- Kain dagang luar

Baju Kurung: Lelaki


- 1- Seluar Aceh
- 2- Baju
- 3- Kain Samping
- 4- Bengkung
- 5- Destar / Setanjak

Ilustrasi 1. Cara potongan baju kurung yang mempunyai banyak bahagian menunjukkan cara pemotongan penjimatan kain yang amat terhad.

Sumber: Dari laman web baju kurung pesak kekek.



Ilustrasi 2. Cara potongan baju kedah yang lebih mudah dan sesuai untuk golongan rakyat biasa yang membuat kerja-kerja berat.




Ilustrasi 3. Potongan baju Riau Pahang yang mirip kepada jubah dari Tanah Arab dan mempunyai potongan leher yang agak unik dan sedikit rumit.

EVOLUSI PEMAKAIAN ORANG MELAYU



Gambar 7. Evolusi pemakaian wanita Melayu yang mengalami perubahan kerana pengaruh luar yang datang Tanah Melayu.

Sumber: Dari laman web Pinterest.



Gambar 8. Evolusi pemakaian lelaki Melayu yang mengalami perubahan kerana pengaruh luar yang datang Tanah Melayu.

Sumber: Dari laman web Pinterest.

BUSANA TRADISIONAL DI ALAM MELAYU

Melaui analisa yang telah dibuat dan beberapa tinjauan dilakukan, Baju Kurung dan pelbagai busana di Alam Melayu adalah mengikut syarak yang telah ditetapkan di dalam Islam. Penggunaan 'kurung' sebagai mengurung dan melindungi si pemakai daripada pandangan mata dan aib malu (Tenas Effendy, 2004). Walaupun kaedah penutupan kepala yang mengikut budaya orang Melayu iaitu kelubung, ia tetap mengikuti undang-undang Islam yang telah ditetapkan oleh raja-raja Melayu.

"Maka datanglah persalin, jika akan jadi bendahara, lima ceper persalinannya – baju seceper, kain seceper, destar seceper, sebai seceper, ikat pinggang seceper, jikalau anak-anak raja dan para menteri cetera, empat ceper juga, ikat pinggang tiada. Jikalau bentara sida-sida hulubalang tiga ceper- kain seceper, baju seceper, destar seceper. Ada yang semuanya sekali seceper, ada yang tiada berceper; kain baju destar dibiru-biru (dilipat-lipat) sahaja, maka diampu oleh hamba raja; datang pada orang bergelar itu, disampaikan dilehernya. Maka dipeluk oleh orang itu lalu dibawanya keluar. Dan jika persalin utusan, demikian juga adatnya, masing-masing pada patutnya".

Di dalam buku Sejarah Melayu al-kisah cetera yang ke-11 ini merakamkan tentang adat istiadat orang Melayu yang tersusun rapi. Ia juga menunjukkan bahawa orang Melayu sudah mempunyai identiti pakaian mereka yang lengkap daripada baju, seluar, pengikat pinggang dan perhiasan kepala yang dipakai. Pada penceritaan ini juga menunjukkan potongan baju orang Melayu yang terbelah ditengah dan mereka menyarungkannya ke leher mereka. Bentuk asal pakaian yang digambarkan adalah berbentuk tunik, singkat dan sendat dan diubah kepada rupa bentuk yang besar dan longgar. Kedua-dua potongan yang popular pada ketika itu adalah baju tunik seakan-akan baju kurung dan baju belah yang meyerupai baju dari tanah Arab.

Proses evolusi dan teknologi pemakaian orang Melayu mengalami tahap tertinggi pada zaman kerajaan Melayu Melaka. Ia bermula dari orang-orang istana hingga kepada rakyat kebanyakan mengamalkan cara pemakaian yang sama cuma yang membezakan rupa gaya dan perhiasan yang digunakan. Kaum lelaki di Tanah Melayu mengenakan pakaian baju Sikap bersama seluar Aceh atau seluar potongan China dan hiasan pinggang manakala wanitanya pula biasa dikaitkan dengan dua perkara iaitu reka bentuk dan gaya pakaian atau potongan pakaian serta hiasa kepala atau penggunaan aksesori pakaian.

Sehingga kini, pakaian orang Melayu mengalami evolusi di dalam rupa bentuk dan kepelbagaian rekaan yang telah diperkenalkan seperti Baju Kebaya, Kebarung dan yang terbaru Baju Kurung Moden. Baju kurung moden yang popular pada masa kini masih menerapkan labuh baju kurung tradisional tetapi ia sedikit ketat dan potongannya mengikut potongan badan seseorang. Ini telah lari dari landasan awal rupa bentuk dan potongan asal yang mengikut hukum Islam, bajunya mestilah longgar dan tidak menampakkan susuk tubuh si pemakai.

Antara warisan pemakaian Melayu yang mendapat perhatian sehingga kini ialah Baju Kabaya. Baju Kebaya ini diolah oleh orang tempatan dari baju yang dikenali sebagai baju belah. Baju belah ini berpotongan longgar dan labuh serta berbelah di bahagian hadapannya. Baju ini lebih mirip kepada baju orang Islam di Asia Selatan dan Timjur Tengah. Ia juga menyerupai potongan baju kimono dari Jepun. Baju Kebaya Labuh juga adalah hasil potongan orang Melayu lama yang berbentuk longgar dan berbelah di bahagian hadapan. Berlainan dengan lengannya yang berpesak dan ada juga yang berkekek sapu tangan. Baju Kebaya ini juga amat popular di kalangan masyarakat Melayu di Indonesia dengan nama panggilan baju panjang yang lazimnya dipakai dengan kerongsang tiga dihadapan.

Bagi pakaian baju Melayu lelaki juga mengalami beberapa evolusi yang tidak menepati syarat utama ketika baju tersebut diubah oleh Tun Hassan Temenggung. Baju Melayu kini nampak terlalu sendat untuk dipakai dan pesaknya juga adakala dibuang oleh si pemakai. Ini menampakkan rupa bentuk yang berubah tidak mengikut gaya potongan asal baju Melayu tersebut. Keadaan ini sedikit janggal pada pandangan mata.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi bahawa baju kurung orang Melayu ini telah diperkenalkan di Indonesi oleh pedagang Islam dan India (Archjadi,1986), ini kerana kita masih tidak dapat mengetahui asal-usul baju kurung lelaki dan wanita ini. Fakta sejarah juga tidak menunjukkan siapa yang memperkenalkan pakaian ini. Sehingga kini kajian tentang asal usul pakaian busana orang Melayu masih tidak terungkai.

KESIMPULAN

Pada asasnya, kehidupan orang Melayu sudah memiliki seni budaya dan identitinya yang tersendiri berikutan perkembangan tamadun orang Melayu yang telah maju. Akibat dari kota dan tamadunnya yang maju, banyak aktiviti perdagangan terjadi sehingga masyarakat Melay ini mendapat pelbagai pengaruh dari luar yang menjadi kepada pembentukan identiti mereka. Pengaruh ini melibatkan agama kepercayaan sekaligus mengubah cara hidup dan cara berpakaian masyarakat ini yang mengikut undang-undang Islam. Walaupun Alam Melayu banyak dipengaruhi oleh masyarakat luar yang datang membuat pelbagai aktiviti di Tanah Melayu, masyarakat Melayu tetap mengekalkan beberapa tradisi mereka. Antaranya potongan baju yang masih mengekalkan bentuk tunik dan baju yang berlubang di bahagian leher. Antara identiti lain yang masih dikekalkan adalah penggunaan sarung sebagai elemen utama di dalam busana mereka. Penggunaan sarung adalah amat penting bagi masyarakat Melayu kerana ia bukan sahaja digunakan untuk dipakai sebagai kain tetapi dipakai dengan pelbagai fungsi di dalam kehidupan seharian mereka.

Cara berpakaian bagi masyarakat Melayu pula dianggap telah lengkap dari segi rupabentuk dan potongannya ditambah pula kepelbagaian fabrik yang dihasilkan menambahkan lagi keunikan busana di Alam Melayu. Perlu diberi penekanan mengenai cara pakaian masyarakat ini dan evolusi rupa bentuk pada potongan busana di Alam Melayu.

RUJUKAN

- Abbas Alias-Norwani Md Nawawi. (2006). Pakaian Melayu Sepanjang Zaman. Dewan Bahasa Pustaka.
- Adilah Hj Jusoh – Makna dan fungsi Busana Dalam Naskah Melayu Syair Agung. (2016).
- Azah Aziz. (2002). Rupa dan Melayu Busana Melayu.
- Balai Senilukis Negara – Baju + Sarung.
- Haziyah Hussin – Evolusi dan Tipologi Pakaian Wanita Melayu di Semenanjung Malaysia.
- Hood Salleh. (2011). –People and traditions.
- Kesultanan Melayu Melaka Edisi Kedua – Muhammad Yusoff Hashim. (2015).
- Maruwiah Ahmat. (2012). Pakaian Tradisional – Siri Budaya Warisan Malaysia.
- Mohd Said Sulaiman. (2008). Pakai Patut Melayu- UKM.
- Salikin Sidek. (2010). Rujukan Khazanah Budaya Melayu; Grup Buku Karang kraf.
- Siti Zainon Ismail. (1991). Konsep Pakaian Cara Melayu: Satu Kajian Analisis Budaya Benda.
- The Worldwide History of Dress – Patricia Rieff Anawalt 2007.
- Zubaidah. (1994). Busana Melayu. Jabatan Muzium Dan Antikuiti Malaysia.
- http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0503&pub=Utusan_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke_04.htm#ixzz5P45n13PX
- © Utusan Melayu (M) Bhd.
- http://wacanaseni.usm.my/WACANA%20SENI%20JOURNAL%20OF%20ARTS%20DISCOURSE/wacanaseni_v17/WS_17_3.pdf
- Teknologi Warna Alam Melayu (1997) Che Husna Azhar.

